

Headline	Sarawak diyakini mengakhiri AIDS pada 2030		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	24 May 2017	Color	Black/white
Section	News	Circulation	45,554
Page No	8	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	472 cm ²
Journalist	Henrietta Liza	AdValue	RM 1,530
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,590



Sarawak diyakini mengakhiri AIDS pada 2030

Sarawak juga berkemungkinan menjadi contoh di Malaysia dalam menurunkan kadar kes tersebut

Oleh Henrietta Liza

KUCHING: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yakin Sarawak berupaya mengakhiri AIDS pada tahun 2030 atau lebih awal daripada yang dijangkakan.

Demikian ujar Ketua Sektor HIV/STI KKM Dr Anita Suleiman sambil menambah, Sarawak juga berkemungkinan menjadi contoh negeri pertama di Malaysia dalam menurunkan kadar kes tersebut.

“Di Sarawak, bahagian Sibu mencatat 20.5 peratus kes HIV baharu diikuti Bintulu sebanyak 15.5 peratus, 13.5 peratus pula di Miri dan Kuching 7.4 peratus.

“Di Malaysia, perkara ini telah dipersetujui dalam unjuran modul oleh pemimpin-pemimpin dunia bagi menurunkan kadar penghidap wabak HIV kepada 90

“Di Sarawak, bahagian Sibu mencatat 20.5 peratus kes HIV baharu diikuti Bintulu sebanyak 15.5 peratus, 13.5 peratus pula di Miri dan Kuching 7.4 peratus.”

Dr Anita Suleiman
Ketua Sektor HIV/STI KKM

peratus menjelang 2030.

“KKM dengan kerjasama pelbagai agensi, pertubuhan bukan kerajaan telah merangka strategi kebangsaan bagi tempoh 15 tahun bagi tujuan tersebut,” katanya ketika menghadiri Majlis Perasmian Pusat Sokongan Sehati Teratak Kasih Tok Nan di Jalan Crookshank semalam.

Sarawak menunjukkan peningkatan kematian berkaitan AIDS daripada 35 kes pada 2015 kepada 62 kes pada tahun lepas daripada

jumlah keseluruhan iaitu 542 kes dari tahun 1986 hingga 2016.

Maka dengan itu, menurut syarat yang ditetapkan dalam modul tersebut seperti yang telah dipersetujui adalah sebanyak 800 kes HIV sahaja setiap tahun.

“Pada tahun lepas kes HIV baharu telah melebihi 3,000 kes... untuk mencapai jumlah kes baharu ia mesti kurang daripada 800 kes.

“Sejak kes pertama dilaporkan pada tahun 1986, hampir 93,000 orang kini hidup



TERIMA KASIH: Jamilah (tiga kanan) menerima replika cek daripada Watts (dua kiri) bagi Teratak Kasih Tok Nan.

dengan HIV di Malaysia dan di Sarawak sebanyak 2,436 kes jangkitan HIV dilaporkan sehingga penghujung 2016 dan 542 daripadanya adalah kematian berkaitan AIDS,” jelasnya.

Justeru, KKM dengan

rakan strategik telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti saringan dan kempen kesedaran untuk mengurangkan kes wabak HIV.

Kerajaan sebelum ini juga telah membelanjakan sebanyak RM50 juta untuk mem-

beli pil Antiretroviral bagi mengubati pesakit HIV.

Namun masih ramai pesakit HIV yang belum diberi rawatan.

Walaupun pelaksanaannya bukan mudah tetapi dengan syarat kombinasi pencegahan,

kempen kesedaran dan rawatan jika ditingkatkan secara drastik kepada dua atau tiga kali ganda berupaya membantu pelaksanaan itu untuk berjaya.

Teratak Kasih Tok Nan adalah bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan dan keluarga pesakit yang datang dari kawasan jauh.

Pihak Teratak Kasih Tok Nan juga menawarkan keperluan sokongan selain keperluan pesakit mendapat sokongan daripada keluarga dan masyarakat sekeliling dan telah dirasmikan oleh Penaung Teratak Kasih Tok Nan Datuk Amar Jamilah Anu.

Jamilah turut menerima sumbangan daripada pihak Hilton Hotel & Resorts (Hilton Hotel) bagi Teratak Kasih Tok Nan daripada Pengurus Besar Hilton Hotel Hamish Watts semalam.